

18/03/2004

Pengundi Permatang Pauh sedar rugi beri undi simpati

Ridzuan Yop

"KITA bukan tak kesian... kita kesian, tapi kadang-kadang kita kena fikirkan masa depan," kata suri rumah, Che Ah Nayan, 51, ketika diajukan soalan mengenai Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh, sejak sepenggal lalu.

Che Ah yang ditemui di Kampung Tok Elong, Penanti, terdiam seketika ketika diajukan soalan itu. Dia kelihatan sukar memberikan jawapan sama ada masih ramai yang bersimpati kepada Wan Azizah.

"Saya tahu ramai yang kesian kepada Wan Azizah, tapi ramai juga yang sudah sedar bahawa mereka tidak boleh terlalu simpati.

"Ramai yang sokong Wan Azizah sebelum ini kembali menyokong Barisan Nasional (BN) kerana tidak banyak yang dapat dilakukan beliau dalam pembangkang," katanya.

Penanti adalah satu daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh, selain Seberang Jaya dan Permatang Pasir.

Pada Pilihan Raya Umum 1999, Penanti turut jatuh ke tangan Keadilan dan Permatang Pasir kepada Pas, manakala DUN Seberang Jaya kekal kepada Umno.

Pada pilihan raya itu juga ramai penduduk setempat yang kecewa dan tidak kurang yang marah apabila bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, anak tempatan dipecat daripada Umno, lalu mereka berpakat memilih Wan Azizah sebagai wakil rakyat menggantikan suaminya.

Pada pilihan raya kali ini, Wan Azizah selaku penyandang akan mempertahankan kerusi itu yang didudukinya sejak lima tahun lalu. Beliau dicabar muka baru dari Umno yang juga bekas Imam Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail, 39, juga anak tempatan.

Dalam perjalanan penulis ke pejabat Umno Bahagian Permatang Pauh sejauh kira-kira 25 kilometer dari Prai melalui bandar kecil Kubang Semang, kelihatan gambar Wan Azizah dan Anwar diletakkan bersebelahan menghiasi hampir sepanjang jalan.

Namun gambar Anwar bermata lebam yang begitu popular pada pilihan raya 1999 tidak kelihatan.

Mungkin Keadilan sedar gambar itu tidak wajar dipaparkan lagi - mata Anwar sudah sembuh - tentu tidak elok digunakan lagi untuk memancing undi.

Di pejabat Umno Permatang Pauh, kelihatan ramai petugas sibuk melakukan tugas, sementara menunggu Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said tiba bagi memberi ucapan kepada pengundi serta taklimat kepada ahli Puteri Umno mengenai gerak gempur pilihan raya.

Suasana agak meriah di pejabat itu dengan kebanyakan ahli Umno begitu bersemangat menyiapkan tugas masing-masing.

"Keadaan begitu berbeza berbanding pilihan raya 1999, apabila ada sebahagian ahli Umno bersikap berkecuali kerana tidak sampai hati menentang Wan Azizah dan Anwar," kata seorang pemerhati.

Azalina disambut meriah oleh Ahli Puteri Umno Permatang Pauh. Dalam ucapannya, Azalina meminta pengundi Permatang Pauh tidak terus mengorbankan masa depan mereka semata-mata kerana kasihan dan simpati kepada seorang individu.

"Sudah cukup peluang diberikan kepada Wan Azizah sejak lima tahun lalu dan sudah tiba masanya calon BN dipilih bagi memberi khidmat kepada penduduk Permatang Pauh.

"Siapa tak sayang suami... kita faham dan simpati terhadap beliau (Wan Azizah) tetapi ia bukan alasan untuk terus memilih pembangkang sebagai

wakil kita atas dasar simpati.

"Jangan marahkan nyamuk kelambu dibakar... marahkan pemimpin tertentu, rakyat pula menjadi mangsa...cukuplah lima tahun," katanya yang mahu pengundi Permatang Pauh memikirkan masa depan mereka.

Katanya, isu Anwar sudah berlalu dan pengundi Permatang Pauh tidak wajar terus emosional kerana Anwar sudah diadili dengan seadil-seadilnya, sebelum dijatuhi hukuman.

Azalina dan ahli Puteri Umno lain kemudian melawat kampung berhampiran bagi berkempen. Sambutan yang diterima di luar jangkaan. Mereka disambut meriah dan sama sekali tidak diduga penerimaan masyarakat setempat.

Menurut seorang rakan wartawan yang pernah mengikut kempen dari rumah ke rumah pada pilihan raya 1999, ada penghuni rumah yang segera menutup pintu apabila melihat kehadiran orang Umno, tapi kali ini keadaan berbeza.

Seorang penduduk, Ramli Che Din, 69, berkata zaman gerhana di Permatang Pauh sudah berlalu kini ramai yang sudah sedar dan kembali kepada Umno.

Pesara tentera itu berkata, ramai yang kembali kepada BN dan Umno, tetapi tidak dinafikan masih ada yang bersimpati dengan Wan Azizah dan Anwar.

Pendapatnya dipersetujui rakannya, Osman Awang, 65, bahawa sokongan sudah kembali kepada Umno sejak kebelakangan ini, tambahan pula dengan ketokohan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Orang ramai dah faham, dulu depa marah pada Umno dan juga kesian pada Wan Azizah dan Anwar," katanya.

Bagi Wan Azizah, beliau yakin dapat mempertahankan kerusi berkenaan bagi penggal kedua. Pada pilihan raya lalu, beliau menang dengan majoriti 9,077 undi, menewaskan bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad.

"Saya harap memperoleh kemenangan sekali lagi. Kami mempunyai pengundi yang setia dan sentiasa menyokong. Saya menghargainya dan saya harap ia berterusan.

"Walaupun ada sedikit masalah di sana sini kerana kami adalah pembangkang, yang penting kita berjuang untuk negara," katanya yakin dapat mempertahankan kerusi Permatang Pauh.

Namun pada pilihan raya kali ini di Permatang Pauh, Keadilan jelas tidak ada sebarang isu yang hendak dimainkan bagi meraih sokongan selain cuba membawa mesej lama bahawa kerajaan BN adalah kejam dan tidak berlaku adil.

Isu itu tidak dapat diterima rakyat dan masyarakat setempat kerana limpah kemakmuran hasil kebijaksanaan pemimpin Umno dan BN yang diterajui bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad dan disambung pula oleh Abdullah, tidak boleh dinafikan.

Apapun, 54,034 pengundi dalam Parlimen Permatang Pauh akan menentukan nasib Wan Azizah sama ada beliau masih diterima rakyat sebagai wakil mereka atau sebaliknya pada hari mengundi 21 Mac ini.